

## **Sinopsis Novel Pantai Kasih Semua Bab (Bab 1 hingga Bab 9)**

*Isi jawapan yang tepat dan betul dalam setiap ruang kosong (30 ruang kosong)*

### **Bab 1**

Doktor Raiha baru sahaja selesai menjalankan pembedahan .....terhadap pesakit yang bernama Unong Siron. Pembedahan kali .....itu sepatutnya dilakukan oleh Doktor Uwang tetapi diserahkan kepadanya kerana pakar itu mempunyai urusan lain.Kelima-lima pembedahan sebelum itu telah dijalankan oleh Doktor Uwang . Ketika bersendirian di pejabatnya, Doktor Raiha teringat akan .....yang telah dikenalinya semasa belajar di universiti dahulu. Doktor Raiha menaruh hati kepada Doktor Uwang tetapi Doktor Uwang telah berkahwin lalu dia memilih Doktor Sadiz meskipun pilihannya itu ditentang oleh ayahnya. Sepuluh tahun kemudian, dia menerima pelawaan Doktor Uwang untuk bekerja bersama-sama di Pusat rawatan pantai Kasih (PRPK). Doktor Raiha juga teringat akan bantahan ayahnya apabila dia menyatakan hasratnya untuk menjadi..... Ayahnya lebih suka Doktor Raiha menjadi suri rumah tangga. Baginya, kaum wanita harus menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap rumah tangga,bukan bekerja seperti ibu Raiha yang menjadi jururawat sehingga tiada masa untuk diri sendiri. Doktor raiha juga teringat akan kematian anaknya.

Sementara itu, Sister Felicia Londosi terkenang akan kematian seorang kanak-kanak perempuan dalam kebakaran. Hal itu menyebabkan dia resah dan cemas lalu minum ubat batuk yang diambilnya di bahagian farmasi. Oleh sebab kerap minum ..... Sister Felicia ketagih akan ubat batuk, malahan ubat itu telah diminumnya secara berlebihan

Dia sebenarnya menyimpan perasaan marah dan dendam kepada Doktor Raiha dan Doktor Uwang yang kerap memarahinya. Oleh sebab itu, dia meminta jadual tugasannya ke sebelah malam supaya dia tidak bekerja bersama-sam dengan Doktor Raiha pada sebelah pagi

### **Bab 2**

Doktor Uwang ternampak seorang kanak-kanak perempuan berdiri tegak, kemudian berkeliaran di halaman banglonya. Pada awalnya, dia menyangka kanak-kanak itu pembantu rumahnya yang baru tetapi dia maklum bahawa isterinya tidak mengambil pembantu rumah tanpa persetujuannya. Malahn, isterinya itu juga akur akan kehendaknya yang hanya ingin memperoleh seorang anak.

Doktor uwang mentadbir PRPK sepenuhnya setelah tanggungjawab itu diserahkan oleh ayahnya,..... Semasa berada di bawah pengurusan Datu Ontong , PRPK hanya mempunyai tiga orang doktor iaitu Datu Ontong,Doktor Alex Ng dan Doktor uwang sendiri.Setelah Doktor Uwang menerajui PRPK, dia telah menambahkan serta memperindah wad-wad dan bangunan. Selain itu , peralatan

canggih juga dibawa masuk. Hal itu dilakukan agar dia dapat mengenakan bayaran yang ..... kepada para pesakit yang datang untuk mendapatkan rawatan disitu. Doktor Uwang lebih mementingkan wang ringgit daripada tugas murni seorang doktor, iaitu memberikan rawatan terbaik kepada pesakit.

Di dalam bilik kerjanya, ..... teringat akan peristiwa seorang lelaki yang menyamar sebagai doktor menceroboh pusat rawatan itu beberapa minggu lalu. Pemuda itu tidak sempat ditangkap kerana telah melarikan diri. Namun begitu, Sebelum pergi, pemuda itu mengugut akan datang ke PRPK semula. Ketika berjalan di bahagian hadapan pusat rawatan itu, Doktor Raiha seakan-akan ternampak seorang wanita yang merupakan dirinya sendir bersama-sama seorang kanak-kanak kurang upaya. Kanak-kanak itu terkorban dalam kebakaran kereta mewah milik ..... sebelum sempat Doktor Raiha mencapai tangannya. Selepas itu, dia terbayang akan wajah bekas suaminya, Doktor Sadiz.

### Bab 3

Felicia teringat akan kereta mewah Doktor Sadiz yang terbakar tapi segera berusaha untuk focus terhadap pekerjaanya ketika itu. Dia merawat seorang pesakit bergelar Datin. Datin tersebut menegur ..... yang dilihatnya seperti sakit, namun dianfikan oleh Felicia dengan mengatakan kulit wajahnya pucat disebabkan cuaca panas musim kemarau. Selepas itu, dia ke ruang dapur hospital dan berbual-bual dengan..... , jururawat muda tentang keimbangan mereka sekiranya pemuda yang menyamar sebagai doktor itu akan datang semula ke PRPK. Penyamran pemuda itu Berjaya dikesan keitka dia cuba memberikan rawatan terhadap Unong Siron

Ketika keluar dari mahkamah syariah setelah mengikuti perbicaraan kes antara Raiha dengan Doktor Sadiz itu. Isteri Doktor Uwang mengagak ada kerosakan pada kereta mewah tersebut yang tidak dikesan. Sebelum itu, dalam perbicaraan, Doktor Sadiz memenangi kes itu tetapi Doktor Raiha tersebut menuduh kereta mewah itu sengaja dibakar oleh ..... sehingga menyebabkan anak perempuan mereka terkorban.

Di dalam kereta BMW miliknya, Doktor Raiha teringat akan layanan kasar Felicia terhadap beberapa orang pesakit daripada masyarakat kelas menengah bawah. Angkara perbuatanya berkasar terhadap ibu Unong Siron, Doktor Raiha mengarahkan Felicia ke pejabatnya. Namun begitu, Felicia yang dikenalinya sejak sekolah rendah lagi itu segera keluar dari pejabat Doktor Raiha beberapa minit kemudian dengan menutup pintu pejabat secara kasar. Doktor Felicia juga terkenang akan latar belakang Felicia. Sebelum pulang ke rumahnya, Doktor Raiha juga teringat akan tuduhan Doktor Sadiz bahawa dia melarikan ..... yang dibeli oleh Doktor Sadiz untuknya, Doktor Raiha menafikan tuduhan itu, Doktor Sadiz tidak akan menceraikan Doktor Raiha sebagai balasan kerana tergamak memalukannya di hadapan masyarakat elit. Pada masa yang,

Doktor Uwang juga teringat akan kereta ..... kepunyaan Doktor Sadiz yang terbakar dahulu.

#### **Bab 4**

Doktor raiha teringat akan perbualannya dengan Doktor Sadiz. Sebenarnya Doktor Sadiz tidak mahu Doktor Raiha melahirkan anak mereka. Melalui gambaran ..... , anak mereka yang bakal lahir itu tidak normal. Oleh itu, Doktor Sadiz memaksa Doktor Raiha menggugurkan kandungannya tetapi Doktor Raiha enggan. Akhirnya, Doktor Raiha melahirkan seorang anak perempuan yang dinamai Ayu (Rohayu binti Sadiz)

Doktor uwang kian gembira apabila mengenangkan keuntungan yang diperolehnya di PRPK. Dia kini memiliki ..... pusat rawatan itu melebihi lima puluh peratus . Namun demikian, dia tersentak apabila melihat gambaran wajah anak Rania di kaca televisyen

Kekacauan jiwa yang dialami oleh Felicia masih berterusan. Dalam khayalannya, dia berdialog dengan seorang pesakit lelaki yang pernah menerima rawatan di PRPK. Lelaki itu marah kerana dia telah menghabiskan banyak duit untuk mendapatkan rawatan dan hanya mahu dirawat oleh Doktor Raiha. Apabila tersedar daripada khayalannya, Felicia mendapati dirinya berada di ..... PRPK lalu menangis teresak-esak

#### **Bab 5**

Doktor Uwang menghabiskan masa lapangnya di sebuah ..... Gambaran wajah Doktor raiha menjelma semula dalam fikirannya. Kata-kata ayahnya, Datu Ontong bahawa banyak perkara palsu, murah,dan tidak bermutu dalam dunia ini kerap menganggu fikirannya. Selain itu, setiap kali dia dibayangi oleh wajah Unong Siron dan anak Raiha, pergelangan dan lututnya berasa sakit.

Di PRPK, ..... datang tergesa-gesa setelah menerima panggilan telefon untuk memintanya menangani kes kelahiran bayi perempuan pramatang walaupun pada masa itu dia tidak bertugas. Rupanya panggilan telefon yang diterimanya itu palsu. Sungguhpun begitu, Doktor Mohammad tidak marah kerana dia dapat berjumpa dengan Felicia yang diminatinya. Seperti biasa, Felicia tidak mengendahkannya.

#### **Bab 6**

Setelah majlis bersempena sambutan ketibaan tahun baharu di rumah Doktor Uwang selesai, ..... meminta Doktor Uwang menghantar Doktor Sadiz dan Felicia ke rumah masing-masing kerana hari sudah lewat. Apabila tiba di kondominiumnya, Doktor Sadiz mendapati Doktor Raiha telah lari bersam-sama ..... dengan kereta Porsche milik Doktor Sadiz.

Doktor Raiha teringat akan perbualannya dengan Felicia di dalam pejabatnya setelah Felicia memarahi ibu Unong Siorn. Menurut Felicia, mereka ialah jirannya. Apabila dia melihat Unong Siron berjalan terincut-incut setelah terlihat dalam kemalangan jalan raya, dia mencadangkan Unong Siron mendapatkan rawatan PRPK. Sebenarnya, Felicia mendapat wang ..... daripada Doktor UWang setiap kali dia membawa pesakit baharu mendapatkan rawatan PRPK. Perkara itu mengejutkan Doktor Raiha kerana dia tidak mengetahui perkara tersebut. Namun demikian, hal itu tidak menjadi perhatian Doktor Raiha, sebaliknya dia lebih mementingkan kebajikan para pesakit dan ahli keluarga mereka. Tindakan Felicia mengasari ibu Unong Siron itu dianggapnya kejam lalu mengingatkan Felicia agar tidak mengulangi perbuatan itu. Doktor Raiha dikejutkan dengan panggilan telefon daripada Doktor Uwang. Doktor Raiha diminta datang ke PRPK dengan segera untuk melihat keadaan .....

### **Bab 7**

Felicia masuk ke ruang farmasi untuk mengambil ubat batuk. Dia mula minum ubat batuk sejak remaja. Dia teringat akan kehidupannya sebagai anak yang tidak berbapa. Ibunya membesarinya dengan disiplin yang ketat dan tidak menyukai pilihannya untuk menjadi..... Perkara itu sering menyebabkan dia dan ibunya bertengkar lalu dia minum ubat batuk untuk menghilangkan tekanan perasaannya. Dia juga teringat akan keterlibatannya dalam peristiwa kebakaran kereta mewah Doktor Sadiz beberapa tahun lalu. Felicia terserempak dengan seorang pemuda yang mengaku dirinya Doktor Mohammad. Pada ketika itu, Felicia sudah tidak dapat berfikir dan melihat dengan jelas lagi akibat minum ubat batuk. Setibanya di PRPK, Doktor Raiha dimaklumkan oleh jururawat yang bernama .....bahawa tiada sesiapa yang membuat panggilan kepadanya. Menurut Doktor Alex Ng, mungkin Doktor Raiha menerima panggilan palsu daripada budak-budak nakal kerana beberapa orang doktor lain di PRPK pernah menerima panggilan palsu. Gambaran Doktor Sadiz terus menguasai fikiran Doktor Raiha.

### **Bab 8**

Doktor Raiha melawat Unong Siron yang ditempatkan di wad kelas biasa. Doktor Raiha bahawa Felicia telah ditahan di dalam bilik bedah oleh seorang pemuda yang dahulu pernah menyamar sebagai .....di PRPK. Doktor Alex Ng, beberapa orang pengawal dan jururawat serta petugas lain berada di luar bilik bedah itu. Mereka tidak mampu bebrbuat apa-apa kerana bimbang akan keselamatan Felicia. Mereka juga bersepakat untuk tidak memberitahu hal itu kepada Doktor Uwang kerana dia tidak sihat. Ibu Unong Siron menawarkan diri untuk memujuk pemuda itu kerana dia mengenali pemuda itu. Dia meminta pemuda itu bertenang dan pemuda itu berjaya ditahan dan di bawa ke hospital.....

Pemuda itu sebenarnya bekas menuntut perubatan di sebuah university tempatan . Setelah gagal dalam peperiksaan semester terakhir, dia menjadi kurang siuan akibat mendengar kata negatif jiran tetangga dan tekanan daripada keluarga serta teman wanitanya.

### **Bab 9**

Ketika mamandu keretnya, Doktor Uwang teringat akan peristiwa yang berlaku pada malam dia menhartar Doktor Sadiz mendapati Doktor Raiha telah melarikan diri dengan Ayu menggunakan keretanya, Doktor Sadiz membeli ..... dengan ditemani oleh Doktor Uwang. Petrol itu kemudian digunakan oleh Doktor Sadiz untuk membakar keretanya itu tanpa menyedari Ayu berada berhampiran dengan kereta tersebut. Doktor Uwang juga teringat akan perbualannya dengan ibu Unong Siron. Wanita itu menpelak kerana memberi alasan lima pembedahan yang dijalankan sebelum itu tidak berjaya kerana sendi tulang yang dipasang pada pinggul Unong Siron tidak sesuai dan badan Unong Siron tidak mampu melawan infeksi padahal Doktor uwang ingin mengaut wang ringgit pesakitnya. Sebenarnya, Doktor Uwang menjadi doktor demi memenuhi kehendak ayahnya sedangkan minatnya cenderung kepada bidang .....  
Doktor Raiha terinat akan kemalangan kereta yang menimpa Doktor Sadiz selepas memenangi kes mereka di mahkamah dahulu. Kereta yang dipandu oleh Doktor Sadiz merempuh belakang sebuah lori tangki miinyak lalu terperosok dibawah lori tangki itu. Kereta itu terbakar dan menyebabkan Doktor Sadiz rentung.  
Doktor Uwang kemudiannya terlibat dalam kemalangan kereta yang dipandunya melanggar ..... PRPK. Pergelangan tangan dan lututnya hancur. Dengan persetujuan isteri Doktor Uwang, Doktor Raiha dan Doktor Alex Ng menjalankan pembedahan penggantian sendi tulang pada pergelangan tangan dan lutut Doktor Uwang. Alat ganti itu sebenarnya palsu dan bermutu rendah.

Felicia memohon maaf daripada Doktor Raiha atas keterlibatannya dalam kematian Ayu sehari sebelum Ayu dihantar ke pusat rawatan kanak-kanak yang mengalami sindrom down . Atas arahan Doktor Sadiz, membeli petrol yang digunakan oleh Doktor Sadiz untuk membakar kereta Porschenya itu. Doktor raiha menerima ketentuan takdir itu dengan hati yang terbuka